



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 13 Tahun 2021

PENGECUALIAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DARIPADA MENGHADIRI KURSUS *HIGHER EDUCATION TEACHING AND LEARNING (HETL)*

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai syarat pengecualian staf akademik daripada menghadiri kursus *Higher Education Teaching and Learning (HETL)*.

LATAR BELAKANG

2. Kursus HETL yang telah dibangunkan untuk menggantikan Kursus Asas Pengajaran (KAP) pada tahun 2019 ini merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri oleh staf akademik berjawatan tetap sebelum disahkan dalam jawatan. Walau bagaimanapun, staf akademik yang memenuhi syarat-syarat tertentu boleh memohon pengecualian daripada menghadiri kursus tersebut.

3. Pekeliling Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (iLQAM) bil. 03 / 2010 bertajuk Pindaan Pekeliling iLQAM bil. 02 / 2008: Syarat Pengecualian Staf Akademik Daripada Menghadiri Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAP) Pensyarah Baru UiTM telah menetapkan bahawa:

Syarat Wajib

Pemohon mestilah telah memenuhi 20 jam kursus pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh iLQAM terutama kursus-kursus seperti "*Approaches to Teaching, Outcome Based Education, Curriculum Design / Measurement and Evaluation*"

Syarat Tambahan

Telah mengajar (tetap dan sepenuh masa) lebih dari lima (5) tahun di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bagi menepati syarat ini, pemohon mestilah:

- a. Pensyarah IPTA berdasarkan senarai IPTA Kementerian Pengajian tinggi (KPT) dan mestilah sekurang-kurangnya berjawatan Pensyarah DM45, berjawatan tetap dan mengajar sepenuh masa; **atau**
- b. Pensyarah DM41 yang telah mengikuti dan dianugerahkan sijil lulus KAP yang sama taraf dengan KAP iLQAM; atau
- c. Telah menghadiri kursus asas pengajaran di IPTA lain yang sama taraf dengan KAP iLQAM mengikut modul yang telah ditetapkan oleh KPT 2005.

4. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk mengemaskinikan syarat wajib dan syarat tambahan sedia ada supaya lebih sesuaian dengan keperluan semasa pensyarah UiTM.

SYARAT-SYARAT

5. Pensyarah baharu yang berjawatan tetap boleh memohon untuk mendapat pengecualian daripada menghadiri HETL sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

3.1 Syarat Wajib

- a. Pemohon mestilah telah memenuhi 20 jam kursus pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD).
- b. Pemohon yang tidak memenuhi syarat wajib ini tetapi memenuhi syarat tambahan akan diberi kelulusan bersyarat. Pemohon perlu menghadiri kursus berbentuk pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh ILD dalam masa setahun selepas menerima kelulusan bersyarat.

3.2 Syarat Tambahan

- a. Mempunyai pengalaman bekerja di industri dalam bidang pendidikan dan latihan sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

ATAU

- b. Mempunyai pengalaman mengajar (tetap dan sepenuh masa) lebih daripada lima (5) tahun di Universiti Awam (UA) atau di Universiti Swasta (US). Bagi menepati syarat ini, pemohon mestilah:

Pensyarah UA	Pensyarah US
<p>Pensyarah UA berdasarkan senarai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan mestilah sekurang-kurangnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Gred DM45; ▪ Berjawatan tetap; ▪ Mengajar sepenuh masa; dan ▪ Telah menghadiri kursus asas pengajaran di UA lain yang setara dengan HETL ILD. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pensyarah US berdasarkan senarai KPT dan mempunyai: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekurang-kurangnya ijazah sarjana berjawatan setara dengan Gred DM45; ▪ Berjawatan tetap; ▪ Mengajar sepenuh masa; dan ▪ Telah menghadiri kursus asas pengajaran di UA lain yang setara dengan HETL ILD dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan dari tahun memohon menghadiri kursus HETL dengan minimum 20 jam penyertaan. (Nota: Pemohon perlu memberi bukti kehadiran kursus tersebut.) 2. Pensyarah US yang tidak memenuhi syarat wajib ini tetapi memenuhi syarat tambahan akan diberi

	kelulusan bersyarat iaitu perlu menghadiri kursus berbentuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dianjurkan oleh ILD dalam masa setahun selepas menerima kelulusan bersyarat.
--	---

ATAU

- c. Mempunyai kelayakan akademik dalam bentuk ijazah sarjana muda atau diploma pascasiswazah dalam bidang Pendidikan dari mana-mana UA, US atau Institut Perguruan dalam atau luar negara yang diperolehi dalam tempoh tidak melebihi 10 tahun dari tarikh bergraduat.
6. Staf akademik yang telah memenuhi mana-mana syarat seperti di atas boleh memohon pengecualian daripada menghadiri HETL dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Penolong Naib Canselor ILD.
7. Setiap dokumen berkaitan mestilah dikemukakan melalui pejabat ketua jabatan masing-masing (Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian), Dekan Fakulti / Pusat Akademik / Institusi, Rektor UiTM Cawangan, Pengarah Pusat). Dokumen-dokumen sokongan yang disertakan bersama juga mestilah telah disahkan oleh ketua jabatan.
8. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

PEKELILING BERKAITAN

9. Dengan penguat kuasaan pekeling ini, Pengurusan Kualiti (iLQAM) bil. 03 / 2010 bertajuk Pindaan Pekeling iLQAM bil. 02 / 2008: Syarat Pengecualian Staf Akademik Daripada Menghadiri KAP Pensyarah Baru UiTM adalah terbatal.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeling dikeluarkan pada 15 Julai 2021.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeling ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2021.


PROF. Ts. DR. HAJJAH ROZIAH MOHD JANOR
 Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian)
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
 Tarikh : 15 Julai 2021
 Kategori Pekeling : Prosedur